

UCAPAN BAJET 2006
OLEH YAB KETUA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN SABAH
DATUK MUSA HAJI AMAN
DI PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
2 DISEMBER 2005

‘MENJAMIN KESINAMBUNGAN KEMAJUAN’

Tuan Speaker,

1. Saya mohon membentangkan Bajet Negeri bagi tahun 2006 untuk kelulusan Dewan Yang Mulia ini.
2. Marilah kita mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan kurniaNya jua saya dapat membentangkan Bajet Negeri bagi Tahun 2006 dalam suasana di mana Negeri Sabah ini berada dalam keadaan tenang, tenteram dan bergerak ke hadapan demi kemajuan.

Tuan Speaker,

3. Dengan kestabilan politik yang berterusan serta gabungan kerjasama yang erat di kalangan pemimpin negeri dan pusat dan di antara pengurusan pentadbiran negeri dan persekutuan, faktor yang *fundamental* ini telah meletakkan agenda pembangunan ekonomi dan sosial negeri ini berada di tahap perubahan yang semakin mantap. Dengan peningkatan sistem perhubungan jalanraya dan komunikasi yang baik dan pesat dibangunkan di seluruh negeri, ini telah membuka peluang-peluang bagi meningkatkan interaksi di kalangan rakyat di setiap pelusuk di negeri ini. Pembinaan sekolah-sekolah bestari, khususnya, di luar bandar dan juga pusat-pusat kesihatan dan hospital moden telahpun siap dan beroperasi, telah memudahkan bekalan perkhidmatan kepada rakyat jelata. Apa yang dapat kita simpulkan terhadap perkembangan positif ini ialah, selain daripada kita dapat menjamin penyampaian kualiti pelajaran, kesihatan dan perkhidmatan-perkhidmatan penting yang lain kepada semua lapisan masyarakat, penyediaan kemudahan-kemudahan ini memberi kesan ke arah peningkatan kesedaran dan keyakinan di kalangan rakyat jelata terhadap kualiti kehidupan demi untuk pembangunan insan sejati, khususnya di luar bandar. Dan, hanya tinggal sebulan lagi kita akan melangkah ke tahun 2006 berbekalkan persediaan pelaksanaan perancangan pembangunan ekonomi dan sosial dengan lebih yakin lagi.

Tuan Speaker,

4. Tahun 2006 adalah tahun bermulanya Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), dan sudah pasti begitu mustahak bagi kita untuk terus memantapkan sistem pengurusan awam untuk memperbaiki lagi dasar kerja serta sistem penyampaian dan meningkatkan kualiti kehidupan rakyat serta mewujudkan lebih banyak peluang-peluang latihan kemahiran dan pengetahuan, pekerjaan dan menggalakkan penyertaan pihak swasta. Kita akan bina daya saing dan pastikan bahawa kita berupaya menghadapi cabaran-cabaran yang kian meningkat baik timbul daripada masalah dalaman negara, mahupun ledakan liberalisasi dan globalisasi, serta persaingan dalam perniagaan yang semakin mencabar akibat ICT. Seterusnya, ancaman-ancaman kenaikan harga minyak, keganasan dan penyakit selsema burung (*bird flu*), semua ini boleh mengganggu segala usaha dan persediaan kita, boleh melumpuhkan pertumbuhan

produktiviti sebagai kunci kepada kemajuan ekonomi kita, sekiranya kita tidak tangani dengan bijak dan bersungguh-sungguh.

Halatuju

Tuan Speaker,

5. Sejak pembentangan sulung saya ke atas Bajet Negeri bagi tahun 2002 yang dibentangkan pada tahun 2001, kita telah terus bersama-sama berusaha merealisasikan Wawasan 2020 yang juga sebagai matlamat dasar negara ini. Kita telah berhadapan dengan berbagai konstrain terutama sekali dalam sumber hasil Kewangan negeri yang tidak kukuh dan mengharungi kemelesetan sumber asli, dan tekanan tanggungan serta bayaran tuntutan mahkamah akibat ikatan perjanjian terhadap urusan-urusan awam yang berat sebelah, dan tidak fleksibel. Begitu juga dengan program-program penswastaaan yang memihak lebih kepada kepentingan individu. Namun Kerajaan yang diterajui oleh Barisan Nasional ini akan kekal tabah, bertenaga dan fokus untuk mengutamakan kepentingan rakyat menerusi pengagihan kekayaan negeri ini secara saksama dan membuka peluang-peluang untuk mengecapi taraf dan kualiti hidup yang lebih bermakna. Kedudukan ini mendorong kita untuk mengamalkan sikap dan pendirian serius untuk keluar daripada terus dibelenggu oleh keadaan sedemikian. Dasar dan langkah-langkah '*redressal*' kerajaan ke atas urusan-urusan awam yang mengakibatkan pembaziran dan merugikan rakyat telah membuah hasil dan usaha ini akan diteruskan. Budaya berurusan dengan kerajaan yang dahulunya dilakukan secara tertutup, kini telah dirundingkan secara telus untuk memelihara kepentingan awam.

Tuan Speaker,

6. Kerajaan akan terus komited dengan tanggungjawab untuk memastikan asas-asas ekonomi negeri terus kukuh dan berkembang bagi menjamin proses pertumbuhan ekonomi yang mapan, sekalipun berhadapan dengan perbelanjaan defisit. Pengisytiharaan Dasar Halatuju Pembangunan dan Kemajuan Negeri dalam Bajet Tahun 2005, sebagai tunggak dasar kemajuan negeri, telah mensasarkan negeri Sabah menjadi sebuah Negeri Maju Jaya menjelang tahun 2015. Kini, kita telah dapat memberi fokus untuk merealisasikan pembangunan infrastruktur ekonomi, meransang secara spesifik dan agresif mempromosikan bidang pertanian, pelancongan serta memesatkan pertumbuhan industri pembuatan, khususnya menerusi Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP) dan Palm Oil Industrial Cluster (POIC) memanfaatkan produk sawit minyak mentah dengan nilai ditambah. Kerajaan akan memberi tumpuan spesifik kepada pelaksanaan POIC untuk memanfaatkan potensinya yang diunjurkan berupaya menjana nilai pelaburan sebanyak RM50 billion bagi industri berasaskan kelapa sawit ini. Di samping itu, Kerajaan akan terus menggalakkan pembangunan sektor hartanah khususnya, dalam industri perumahan kos rendah dan mampu milik, mahupun dalam penyediaan kemudahan-kemudahan asas termasuklah penyediaan prasarana sosial sejajar dengan dasar mutlak kerajaan untuk memberikan taraf kehidupan yang setimpal kepada rakyat jelata.

Kemajuan Luar Bandar

Tuan Speaker,

7. Kita sedar bahawa sebahagian besar rakyat negeri ini tinggal di kawasan luar bandar, masih dibelenggu dengan keadaan kemiskinan dan infrastruktur asas yang belum

mantap. Taraf kehidupan rakyat jelata di luar bandar adalah sama pentingnya dengan masyarakat di bandar, walaupun berlainan *magnitude*. Berdasarkan Indeks Komposit Pembangunan (IKP), 2000-2003, yang meletakkan Sabah dalam kategori negeri kurang maju telah menunjukkan peningkatan indeks kemajuan iaitu daripada 84.2 mata (2002) kepada 89.5 mata (2003). Ini adalah satu pencapaian yang terbaik berbanding dengan lain-lain negeri kurang maju di Malaysia. Saya memberi jaminan bahawa pembangunan luar bandar akan diberi tumpuan menerusi pelbagai pendekatan (*multi-approach*) dan juga penyediaan peruntukan-peruntukan yang munasabah secara langsung bagi pembangunan dan kemajuan luar bandar. Apa yang lebih penting lagi ialah membangunkan rangka (*framework*) ke atas pengurusan dan kepadatan dalam perkhidmatan penyampaian.

Penyertaan dalam Ekonomi Moden

Tuan Speaker,

8. Kita tidak akan berpuas hati dengan pencapaian yang ada pada hari ini. Walaupun kita boleh berbangga ke atas pencapaian Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDKN) berlegar dalam lingkungan 3.0 hingga 5.0 peratus setahun dengan ramalan 4.0 hingga 5.0 peratus bagi tahun 2004. Pertumbuhan kadar ekonomi bukanlah semata-mata menjadi ukuran mutlak ke atas pembangunan kesejahteraan rakyat (*economic growth is not an end in itself*). Yang lebih penting ialah menterjemahkan pertumbuhan dan kekayaan ekonomi kepada penampilan peluang-peluang pekerjaan, perniagaan dalam bidang-bidang baru dan memperbaiki keadaan taraf hidup (*living standards*) kepada yang lebih baik lagi. Untuk itu kita perlu fokus kepada kualiti kerja dan produktiviti, dan bersedia mengharungi ekonomi moden menerusi tenaga kerja yang mahir dan produktif, dan pelaburan perniagaan yang melibatkan penyelidikan untuk memperkukuhkan kekuatan negeri ini dalam aktiviti-aktiviti ekonomi berorientasikan eksport.

Pembangunan Modal Insan

Tuan Speaker,

9. Dengan yang demikian pelajaran dan latihan kemahiran teknikal, sebagaimana kita semua sedari berupaya mewujudkan sebuah masyarakat, khususnya belia dan beliawanis kita, agar lebih berwibawa, dinamik dan mampu menentukan kejayaan dalam ekonomi moden. Walaupun bidang-bidang pelajaran dan latihan teknikal pada hakikatnya adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri akan turut memainkan peranan aktif dalam pendedahan kepada kaedah-kaedah dan peralatan teknologi sejagat bagi menguasai dan memanfaatkan ICT dalam konteks ekonomi moden. Justeru, Kerajaan Negeri akan meningkatkan tumpuan kepada pembangunan sumber baru, iaitu, pembangunan modal insan menerusi program latihan sepanjang hayat, memperkenalkan dan membina infostruktur sama ada dalam peringkat kajian mahupun penglibatan secara adaptasi program latihan kemahiran modal insan. Oleh kerana ilmu pengetahuan dan kemahiran adalah mustahak sekali untuk menerapkan nilai-nilai untuk memikul tanggungjawab awam yang mencabar di masa akan datang, maka semua kategori anggota perkhidmatan awam yang menjadi tulang belakang Kerajaan, hendaklah diberi peluang mendalami ilmu dan pengetahuan baru dalam bidang pengurusan .

Persekitaran yang Sihat dan Kebajikan Masyarakat

Tuan Speaker,

10. Pengurusan yang teratur ke atas perlindungan alam sekitar seperti kebersihan udara, sungai dan persekitaran alam semula jadi untuk generasi akan datang akan menerima impak positif yang maksima jika masyarakat sedar dan tahu kebaikannya. Begitu juga dengan penggunaan sumber asli dengan cara lebih efisien akan mendapat hasil positif, sekiranya kita dapat memahami kesan-kesan keperluan mengurus penggunaan sumber-sumber asli secara mapan. Isu-isu kritikal berkaitan dengan persekitaran ini, mendorong kita bertindak untuk mewujudkan pangkalan pemusatan maklumat-maklumat berkaitan dengan kegiatan-kegiatan yang membabitkan alam sekitar. Sekaligus, usaha kita untuk mempromosi industri pelancongan yang berteraskan '*eco-tourism*' yang bergantung kepada pengurusan mapan ke atas sumber ini, akan terjawab sekiranya kita bertindak secara pantas dan bersungguh-sungguh. Dengan adanya penubuhan Majlis Sumber Air Sabah (*Sabah Water Resources Council*) yang akan beroperasi penuh pada tahun hadapan, saya percaya tanggungjawab ke atas pengurusan sumber air yang berkait rapat dengan perlindungan alam sekitar, akan lebih terancang untuk memastikan kemapanan.

Tuan Speaker,

11. Kerajaan juga peka ke atas kebajikan rakyat jelata negeri ini yang memerlukan dan layak menerima bantuan am, bantuan orang tua serta anak-anak yatim termasuk tanggungan mereka. Justeru, Jemaah Kabinet Negeri bersetuju menaikkan kadar bantuan am, bantuan orang tua dan anak yatim yang akan dinikmati oleh lebih kurang 41,500 orang penerima. Saya berharap agar kebajikan mereka terus terpelihara dan berupaya meneruskan kehidupan yang selesa di tengah-tengah kepesatan kita membangun. Selanjutnya, kebajikan dan kesihatan anak-anak kita, khususnya di luar bandar akan terus terbela menerusi pemberian percuma minuman susu segar kepada 2092 sekolah rendah di seluruh Sabah, termasuk pakaian dan kasut sekolah dan peralatan asas sekolah.

Demokrasi dan Pengurusan yang *Vibrant*

Tuan Speaker,

12. Saya telah memberi penekanan betapa pentingnya untuk meningkatkan hubungan dasar, perancangan pelaksanaan dan bajet untuk mendapatkan impak dalam pelaksanaan program pembangunan dan sistem penyampaian. Sistem penyelarasan yang efisien di kalangan institusi Kerajaan Negeri dan Persekutuan adalah mustahak. Di samping itu, Kerajaan akan memudahkan urusan-urusan awam seperti, bayaran bil air menerusi institusi kewangan yang dilantik dan juga penyaluran maklumat menerusi Sabah Net untuk mendokong konsep ketelusan. Saya berharap ini akan dapat menyedarkan dan meningkatkan penglibatan masyarakat dalam program-program kerajaan. Ke kerapian perundingan bersama masyarakat dan rakyat dapat melahirkan dan membentuk sistem demokratik yang kuat, sihat dan prihatin, dan dapat pula membentuk budaya bekerjasama dengan kerajaan secara mesra. Walaupun berada dalam keadaan kekurangan, dengan sistem pengurusan kewangan awam yang bertambah baik sepertimana terkandung dalam laporan Audit Negara sejak 2002, ekoran daripada kawalan perbelanjaan yang berkesan, kita terus mampu mengerakkan tanggungjawab ekonomi dan sosial kita. Walaupun kita mengamalkan bajet defisit, ini adalah untuk memastikan kesinambungan ke atas pembangunan kemudahan-kemudahan awam dan

infrastruktur ekonomi yang begitu diperlukan, mahupun yang membangunkan kapasiti pengurusan serta lain-lain perbelanjaan kapital yang dirancang, demi untuk melicinkan perkhidmatan awam di samping mewujudkan suasana pelaburan yang kondusif dan mesra.

Peranan Agensi-Agensi Awam

Tuan Speaker,

13. Agensi-agensi awam yang mendokong dasar Kerajaan untuk menerajui secara komersil ataupun sosio-ekonomi dalam penyertaan pembangunan ekonomi negeri mengalami pencapaian yang bercampur; ada yang bebas daripada bantuan kewangan Kerajaan dan ada pula yang masih bergantung sepenuhnya kepada Kerajaan. Kerajaan akan membina semula kapasiti mereka dan menekankan agar pengurusan membuat penstrukturan yang drastik terhadap kos operasi mereka, meningkatkan produktiviti dan mengamalkan nilai *good corporate governance* di semua peringkat bermula daripada Lembaga Pengarah. Sehingga hari ini ada sebilangan kecil agensi-agensi awam yang masih gagal mengemaskinikan penyata kewangan tahunan mereka mengikut jadual, di mana instrumen ini dapat memberi gambaran terhadap kedudukan perniagaan dan prestasi Lembaga Pengarah dan pengurusan. Di samping itu, amalan menggunakan unit kos ke atas pengeluaran produk atau perkhidmatan mereka hendaklah menjadi sukatan kecekapan dalam mengharungi saingan pasaran. Masa depan agensi-agensi awam ini hendaklah dilihat dan ditinjau dari segi objektifnya dalam konteks keadaan sekarang. Seterusnya, tinjauan ini hendaklah memastikan pengurusan yang efisien, berwibawa dan amanah termasuk mengukur prestasi Ahli-ahli Lembaga khususnya dalam menunaikan tanggungjawab mereka. Untuk menangani masalah pengurusan yang dibebani dengan staf yang berlebihan, proses konsolidasi, asimilasi dan rasionalisasi akan diambilkira oleh Kerajaan, supaya sebagai contoh, agensi yang lemah dapat berkongsi dan dibantu dalam semua aspek oleh jabatan atau agensi kerajaan yang *vibrant* dengan budaya kerja cemerlang. Kerajaan mengambil jalan tengah kerana buat sementara ini, Kerajaan tidak ingin melihat *retrenchment of staff* berlaku. Kesungguhan Kerajaan dalam membantu rancangan dan pengurusan mereka ini, peruntukan sebanyak RM99.46 juta akan disediakan untuk tahun hadapan bagi sepuluh (10) buah agensi awam.

Produk Keluaran Tempatan

Tuan Speaker,

14. Tahun hadapan Kerajaan akan mengambil pendekatan baru untuk membantu sektor pembuatan di Sabah sebagai langkah untuk merealisasikan matlamat Halatuju Kerajaan dengan menggalakkan jabatan-jabatan dan agensi-agensi awam mahupun syarikat-syarikat kerajaan untuk membuat perolehan ke atas barangan buatan tempatan menerusi slogan '*Buy Sabah Made Products*'. Kerajaan akan bekerjasama dengan Federation of Sabah Manufacturers (FSM) dan lain-lain badan tempatan untuk menyahut cabaran ini dan mempromosikan kempen kesedaran terhadap barangan buatan tempatan yang juga memiliki kualiti dan rekabentuk yang cemerlang. Pengguna di Sabah diseru untuk menyokong dan memberi keutamaan dan membuat pilihan kepada barangan ini. Saya berharap langkah kecil ini mengiktiraf peranan sektor swasta tempatan sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi dalam sektor pembuatan di negeri ini. Untuk usaha promosi ke atas kempen ini, Kerajaan menyediakan peruntukan RM400,000.00 untuk *Sabah Industrial Exposition* (SIE) pada tahun hadapan.

Penyertaan Usahawan Bumiputera

Tuan Speaker,

15. Penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan industri khususnya yang berskala kecil dan sederhana akan terus mendapat perhatian Kerajaan. Program-program khusus dan umum yang telah dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan negeri dan pusat akan diteruskan dan diperhebatkan. Sehubungan dengan ini dan sebagai asas kepada kesinambungan usaha-usaha berkenaan, Kerajaan telahpun melaksanakan dan menyiapkan satu kajian berkaitan dengan Penyertaan Usahawan Bumiputera dalam bidang ekonomi di Sabah. Melalui kajian ini kita telah mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi dan sedang mempertimbangkan cadangan-cadangan demi membantu usahawan bumiputera ke arah kejayaan di dalam bidang perniagaan dan perindustrian. Gabungan usaha dan tenaga agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan, hendaklah ditubuhkan segera untuk menerajui, menyelaraskan dan melaksanakan rekomendasi kajian ini. Namun begitu, suka saya mengingatkan para usahawan bumiputera agar tidak menyerahkan tanggungjawab mereka kepada Kerajaan semata-mata tetapi komitmen daripada para usahawan sendiri adalah amat diperlukan bagi mencapai kejayaan mereka.

Wanita dan Pembentukan Generasi Berkualiti

Tuan Speaker,

16. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap permasalahan dan kebajikan wanita dan telah mengiktiraf kemampuan dan kemajuan wanita untuk turut sama menyumbang dalam pelbagai bidang pembangunan dan membentuk generasi yang berkualiti. Keputusan untuk meningkatkan penyertaan 30 peratus wanita dalam peringkat membuat keputusan akan mengukuhkan peluang kepada wanita menyumbang kepada proses pembangunan dengan lebih bermakna lagi.

Tuan Speaker,

17. Salah satu strategi utama dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan untuk mencapai '*gender equality*', ialah '*gender mainstreaming*' yang mengambilkira kepentingan dan keperluan sumber tenaga wanita dalam perancangan program pembangunan di negeri ini. Bagi menjayakan pelaksanaan strategi ini, Kumpulan Pakar Gender akan diwujudkan. Sehubungan ini, Kerajaan akan mendokong Deklarasi Putrajaya NAM di Malaysia yang mana antara lain bersetuju menubuhkan Pusat Pembangunan Gender bagi NAM di negara ini bagi memperkukuhkan lagi usaha-usaha pembangunan wanita rantau ini. Kesungguhan ini akan ditonjolkan menerusi penggubalan Pelan Induk Pembangunan Wanita bagi tempoh 10 tahun bermula dengan RMK9 sebagai asas rujukan dan panduan pembangunan wanita dalam bidang politik, ekonomi dan sosial, sekaligus mencerminkan halatuju kemajuan wanita.

Tuan Speaker,

18. Kerajaan Negeri amat komited dalam pembentukan generasi berkualiti yang bakal memimpin negara ini. Oleh itu semua pihak adalah bertanggungjawab dalam membentuk generasi berkualiti untuk mengimbang kemajuan fizikal dan membanteras ancaman gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah dan pelbagai gejala sosial lain berkaitan dengan keruntuhan akhlak. Usaha membentuk generasi berkualiti bermula dari keluarga yang utuh

dan sistem pendidikan yang lengkap, ianya secara tidak langsung menjadi benteng dan menghindarkan remaja dari terjerumus ke kancang permasalahan sosial. Justeru, Kerajaan Negeri melalui Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) akan memberi perhatian utama kepada soal pendidikan, sosial dan ekonomi dan seterusnya berkerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk mendapatkan impak maksima dalam penglibatan masyarakat. Saya berharap generasi muda memanfaatkan sepenuhnya program dan kegiatan pembangunan belia dalam semua bidang latihan khususnya keusahawanan yang dianjurkan oleh Kerajaan untuk jaminan masa depan.

Pembangunan Belia dan Sukan

Tuan Speaker,

19. Golongan belia dan beliawanis adalah merupakan generasi pelapis maka akan diperlengkapkan dengan semangat jati diri, latihan disiplin dan kepimpinan, kemahiran dan pengetahuan. Kerajaan akan menyediakan kemudahan serta berusaha membiayai penyenggaraan kelab belia dan kemudahan sukan bagi memudahkan pengurusan aktiviti-aktiviti di jalankan. Kerajaan akan terus memperluaskan program budaya gaya hidup sihat serta menarik lebih ramai belia mahupun masyarakat amnya, untuk menyertai dalam berbagai program dan aktiviti sukan. Oleh itu, saya menyeru agar belia kita, mahupun para atlet yang berbakat dan berpotensi untuk mempersiapkan diri untuk turut serta dalam acara-acara bidang tertentu khususnya, di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan lebih yakin dan menyerlah lagi. Untuk mencapai matlamat ini, kita telah menghidupkan semula Sukan Borneo 'Borneo Games' yang melibatkan Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan, Brunei Darussalam dan Kalimantan, Indonesia.

Strategi Bajet 2006

Tuan Speaker,

20. Berasaskan kepada ramalan sumber Hasil Negeri tahun hadapan dan menyediakan perbelanjaan operasi yang semakin bertambah, adalah mustahak untuk kita terus berjimat tetapi produktif, untuk memastikan penyediaan asas-asas untuk membangunkan ekonomi agar mencapai sasarannya. Kerajaan dan sektor swasta hendaklah bergerak sehaluan dan mantap, memainkan peranan yang berkesan dalam perkembangan ekonomi negeri. Justeru, strategi Bajet Negeri 2006 adalah seperti berikut:

- Memastikan keberkesanan perkhidmatan dan pengurusan kewangan kerajaan, sistem penyampaian dan daya saing;
- Meningkatkan sistem rasionalisasi, penyelarasan dan perundingan menerusi mekanisme tertentu di kalangan semua agensi pelaksana negeri dan persekutuan;
- Menyediakan infrastruktur ekonomi dan kemudahan-kemudahan asas, untuk merangsang perkembangan ekonomi (nilai ditambah), bagi mendokong sektor-sektor Halatuju;
- Memastikan penggunaan sumber asli diurus dengan mapan dan persekitaran alam semula jadi dilindungi secara berkesan;

- Membangunkan modal insan sebagai agen dan pemangkin dalam pertumbuhan ekonomi moden dan pembangunan akhlak; dan
- Memastikan rakyat menikmati peningkatan kesejahteraan menerusi pendekatan kualiti kehidupan.

Ekonomi Global

Tuan Speaker,

21. Pada tahun 2006, pertumbuhan ekonomi dunia diunjurkan kekal pada tahap 4.3 peratus. Amerika Syarikat terus mendahului negara-negara industri utama yang lain, di mana ekonominya dijangka bertumbuh pada kadar 3.5 dan 3.3 peratus, masing-masing pada tahun 2005 dan 2006. Ekonomi Kesatuan Eropah pula diunjurkan bertumbuh pada kadar 1.2 peratus pada tahun 2005, meningkat kepada 1.8 peratus pada tahun 2006. Ekonomi negara Jepun sebaliknya, dijangka kekal pada kadar 2.0 peratus pada tahun 2005 dan 2006.

22. Republik China dan India kekal sebagai ekonomi dunia yang paling pesat membangun, dan dijangka mencapai kadar pertumbuhan, masing-masing sebanyak 9.0 peratus dan 7.1 peratus tahun ini. Pada tahun 2006, kadar pertumbuhan ekonomi Republik China diunjurkan berada ditahap 8.2 peratus, manakala India 6.4 peratus.

23. Perdagangan antara wilayah juga dijangka akan terus bertumbuh dengan cergas berikutan pertumbuhan pesat di Republik China dan India. Secara keseluruhannya, ekonomi ASEAN-4 (Indonesia, Malaysia, Filipina dan Thailand) diunjurkan tumbuh pada kadar 4.9 peratus pada tahun 2005, meningkat kepada 5.4 peratus pada tahun 2006.

Ekonomi Negara

Tuan Speaker,

24. Ekonomi negara dijangka akan bertumbuh pada kadar 5.0 peratus tahun ini, meningkat kepada 5.5 peratus pada tahun 2006. Pertumbuhan dijangka berdasarkan pelbagai, dengan perkembangan dalam semua sektor didorongi oleh perbelanjaan pelaburan swasta dan aktiviti kukuh di sektor perkhidmatan. Momentum ini akan didokongi oleh aktiviti sektor swasta yang mapan, suasana luaran yang meyakinkan dan usaha Kerajaan yang berterusan untuk mempelbagaikan ekonomi melalui sumber pertumbuhan baru.

25. Pendapatan per kapita diunjurkan meningkat sejumlah 7.1 peratus kepada RM18,995.00 pada tahun 2006, berbanding dengan tahun ini yang dijangka bertumbuh 6.8 peratus kepada RM17,741.00. Agregate perbelanjaan domestik sebenar dijangka bertumbuh pada kadar 5.7 peratus pada tahun hadapan, didorongi oleh perbelanjaan pelaburan yang lebih tinggi di sektor swasta. Pada tahun 2006, perbelanjaan sektor swasta dijangka meningkat sejumlah 8.1 peratus berbanding 7.5 peratus pada tahun 2005, sementara pertumbuhan perbelanjaan dalam sektor awam diunjurkan berkurang sebanyak 0.8 peratus dalam jangka waktu yang sama.

Ekonomi Negeri

Tuan Speaker,

26. Sungguhpun pertumbuhan ekonomi global lebih sederhana pada tahun 2005, akibat dari peningkatan paras harga minyak petroleum yang ketara; pertumbuhan ekonomi yang perlahan di Amerika Syarikat; kejadian bencana alam dan wabak penyakit selsema burung; serta serangan pengganas, namun ekonomi negara amnya dan negeri khususnya dapat mengharungi pelbagai kejutan dan cabaran luaran tersebut.

27. Disokongi oleh harga-harga komoditi yang kukuh dan juga peningkatan dalam jumlah eksport, KDNK negeri diunjurkan bertumbuh pada kadar 5.5 hingga 6.0 peratus pada tahun 2005.

Tuan Speaker,

28. Sebagai tahun terakhir dalam RMK8, ekonomi negeri dalam tahun 2005 akan terus merekodkan pertumbuhan yang positif bagi sektor di bawah dasar Halatuju Kerajaan. Pertumbuhan yang kukuh dialami dalam industri pertanian, khususnya sektor kecil minyak kelapa sawit. Pengeluaran minyak sawit mentah telah meningkat sebanyak 19 peratus, dan telah mencapai 2.8 juta tan metrik dalam tempoh 7 bulan pertama pada tahun 2005, berbanding dengan tahun 2004 dan adalah dijangka akan melebihi 5 juta tan metrik pada penghujung tahun ini. Pada tahun pertama RMK8, pengeluaran minyak sawit mentah negeri hanya mencapai 3.7 juta tan metrik. Sektor pertanian juga disokong oleh peningkatan pertumbuhan daripada pengeluaran getah yang lebih tinggi, disebabkan oleh peningkatan dalam harga getah. Nilai eksport getah telah bertumbuh daripada RM46 juta pada tahun pertama RMK8 kepada anggaran nilai eksport sekitar RM200 juta pada akhir tahun RMK8.

Tuan Speaker,

29. Sektor pembuatan turut mengalami pertumbuhan yang memberangsangkan, dengan eksport barangan pembuatan merekodkan peningkatan sebanyak 42.3 peratus, untuk mencecah RM1.9 billion dalam tempoh 7 bulan pertama tahun 2004, dan dianggarkan menjangkau lebih dari RM3 billion pada penghujung tahun 2004. Ini menggambarkan peningkatan sebanyak 36.4 peratus semenjak tahun pertama RMK8.

30. Sektor pelancongan merupakan salah satu sektor yang berkembang pesat dalam ekonomi negeri. Ini adalah kerana terdapat peningkatan yang signifikan dalam ketibaan pelancong yang dialami sejak tahun pertama RMK8 iaitu dari seramai 918,523 orang kepada 1.77 juta orang pada tahun 2004, dan dianggarkan mencapai 2 juta orang pada penghujung tahun 2005. Pemasaran yang agresif, ditambah dengan penerbangan terus udara antarabangsa ke Kota Kinabalu yang lebih banyak; produk-produk pelancongan yang berkualiti; dan adanya pihak industri pelancongan yang komited, merupakan antara faktor utama lain yang menyumbang kepada pertumbuhan yang pesat dalam sektor pelancongan di negeri ini.

Tuan Speaker,

31. Pertumbuhan juga boleh dilihat dari segi eksport petroleum mentah yang lebih tinggi ekoran harga minyak petroleum yang melonjak tinggi. Pada tahun lalu, eksport petroleum mentah telah meningkat sebanyak 22 peratus dalam tempoh 7 bulan pertama untuk

mencapai RM2.9 billion. Eksport petroleum mentah adalah dianggarkan melebihi RM4.5 billion pada tahun 2005 daripada RM3.3 billion pada tahun pertama RMK8.

32. Dengan harga produk berasaskan kayu yang memberangsangkan, pengeluaran kayu gergaji adalah dijangkakan mencapai 700,000 meter padu tahun ini berbanding 560,000 meter padu pada tahun pertama RMK8. Pada tahun lalu, kuantiti eksport kayu gergaji, papan lapis, dan kumai kayu telah menunjukkan pertumbuhan yang positif. Dalam tempoh tujuh bulan pertama pada tahun 2004, eksport kertas cetak dan kertas tulis tidak bersalut juga mencatatkan pertumbuhan yang amat memberangsangkan pada tahap 38.7 peratus.

Tuan Speaker,

33. Negeri Sabah telah merekodkan lebih dagangan yang sihat sejak tahun pertama RMK8. Imbangan perdagangan telah bertumbuh daripada RM1.14 billion pada tahun 2001 kepada RM5.37 billion pada tahun 2003, dan dianggarkan akan melebihi RM6 billion, masing-masing pada tahun 2004 dan 2005. Nilai eksport bertumbuh dari RM12.5 billion pada tahun 2001, dan adalah dianggarkan melebihi RM20 billion, masing-masing pada tahun 2004 dan 2005, disebabkan oleh peningkatan harga eksport komoditi-komoditi utama negeri. Begitu juga dengan jumlah import yang telah bertumbuh dari RM11.4 billion pada tahun 2001 kepada jumlah yang dianggarkan sebanyak RM14 billion, kepada RM15 billion, masing-masing pada tahun 2004 dan 2005.

Tuan Speaker,

34. Keyakinan pelabur juga telah bertambah baik dan stabil sejak lima tahun yang lepas. Setakat 30 Jun 2005, jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank komersil mencecah RM18.5 billion berbanding RM11.5 billion pada tahun 2001. Pelaburan swasta tersebut telah disalurkan terutamanya kepada sektor hartanah, di mana jumlah pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor tersebut sahaja telah merekodkan sebanyak RM5.5 billion atau bersamaan sekitar 30 peratus daripada jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan. Ini diikuti oleh pinjaman yang disalurkan kepada perdagangan borong dan runcit, dan sektor perhotelan 11.2 peratus, sektor pembuatan 7.1 peratus dan sektor pertanian 7.6 peratus. Pelaburan yang diluluskan kepada sektor perindustrian juga telah menunjukkan peningkatan yang ketara, dengan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM1.29 billion dalam tempoh 8 bulan pertama pada tahun 2005 berbanding hanya RM203.4 juta dalam tempoh yang sama pada tahun 2004. Kebanyakan daripada pelaburan tersebut adalah dalam industri makanan, bahan kimia dan pengangkutan.

Tuan Speaker,

35. Pungutan hasil negeri yang lebih tinggi dari yang dianggarkan pada tahun ini membawa petanda bahawa, pelaburan awam dijangka akan bertambah baik untuk memaksimumkan penggunaan peruntukan yang diagihkan di bawah RMK8. Setakat September 2005 Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, masing-masing telah membelanjakan RM1.69 billion dan RM7.41 billion untuk melaksanakan pelbagai projek-projek pembangunan sepanjang RMK8. Perbelanjaan dalam sepuluh bulan pertama bagi Kerajaan Negeri tahun 2005 ialah RM343.6 juta dan RM1.08 billion dalam sembilan bulan pertama bagi Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan awam (*public consumption*) terus merekodkan pertumbuhan yang stabil selaras dengan peningkatan biasa dalam perbelanjaan berulang, termasuk emolument, manakala perbelanjaan swasta (*private consumption*) telah

bertambah baik pada tahun 2005 dengan pertumbuhan yang kukuh. Ini dapat digambarkan dalam pembelian kenderaan bermotor, di mana terdapat peningkatan yang ketara dalam jumlah pinjaman dikeluarkan untuk pembelian kenderaan bermotor iaitu, sebanyak RM3.15 billion setakat 30 Jun 2005. Begitu juga dengan penggunaan kredit dan perbelanjaan kad kredit telah meningkat, masing-masing kepada RM829.8 juta dan RM435.8 juta dalam tempoh yang sama. Keadaan tersebut didorongi oleh kadar faedah yang rendah; pencapaian yang menggalakkan dalam sektor luaran; dan juga peningkatan keyakinan pengguna terhadap pencapaian ekonomi negeri.

Ancaman dan Prospek

Tuan Speaker,

36. Pada tahun 2006, terdapat beberapa cabaran yang mengancam pertumbuhan ekonomi global. Antaranya ialah harga minyak petroleum yang melambung, 'asset bubbles' dan perdagangan yang tidak seimbang. Kadar inflasi juga dijangka akan meningkat ekoran kenaikan harga minyak petroleum. Selain itu, kadar faedah dijangka akan meningkat di rantau Asia. Walaupun berdepan dengan cabaran-cabaran luaran ini, ekonomi Malaysia dijangka akan dapat berdaya tahan dengan disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh. Ekonomi negeri dijangka terus bertumbuh secara positif pada kadar 6.0 hingga 6.5 peratus berasaskan harga-harga komoditi yang baik dan permintaan luaran yang kukuh ke atas eksport utama negeri. Republik China dan India merupakan pasaran terbesar barangan eksport negeri di mana kedua-dua negara tersebut diunjurkan bertumbuh kukuh, masing-masing sebanyak 8.2 peratus dan 6.4 peratus pada tahun 2006.

Peneraju Pertumbuhan Baru (RMK9)

Tuan Speaker,

37. Penemuan baru beberapa kawasan minyak di perairan negeri, sektor gas dan minyak telah dikenalpasti sebagai salah satu sektor pertumbuhan utama dalam tempoh jangka sederhana dan jangka panjang. Selain dari itu, Kerajaan Negeri menaruh penuh harapan terhadap peneraju pertumbuhan baru yang berpotensi melonjakkan ekonomi Sabah, khususnya daripada pelaksanaan *Palm Oil Industrial Cluster* (POIC). Membangunkan infrastruktur ekonomi POIC adalah menjadi salah satu cabaran utama kepada keupayaan pengurusan kewangan negeri. Di samping itu, perkembangan yang positif dalam sektor pelancongan juga akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi pada tahun 2006. Pelaburan swasta dijangka lebih tertumpu kepada sektor hartanah, komersil dan perumahan.

38. Dalam tahun pertama RMK9, pelaburan sektor awam dijangka akan meningkatkan lagi taraf ekonomi negeri. Ini adalah ekoran daripada keputusan Kerajaan Persekutuan yang memperuntukkan sebanyak RM2.3 billion kepada Negeri Sabah pada tahun 2006. Ini menggambarkan peningkatan lebih daripada RM200 juta berbanding dengan tahun pertama dalam RMK8 sebanyak RM2.08 billion.

HASIL NEGERI

Tuan Speaker,

39. Mulai dari tahun 2006, format bagi anggaran hasil adalah mengikut format *Modified Budgeting System* selaras dengan negeri-negeri lain. Di bawah format baru ini, anggaran hasil dipecahkan kepada tiga kategori utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.

40. Bagi tahun 2006, hasil Negeri Sabah dianggarkan berjumlah RM1,586.87 juta. Hasil disemak bagi tahun 2005 ialah sebanyak RM1,575.17 juta berbanding anggaran asal iaitu RM1,505.94 juta, menunjukkan kelebihan sebanyak 4.6 peratus. Bagi tahun 2006, memandangkan tidak ada hasil 'one-off' atau tambahan hasil dijangkakan sama ada melalui sumber baru atau perubahan ke atas struktur cukai yang ada sekarang, Kerajaan Negeri menganggarkan hasil sebanyak RM1,586.87 juta di mana RM504.26 juta atau 31.78 peratus adalah di bawah kategori Hasil Cukai; RM883.77 juta atau 55.69 peratus di bawah kategori Hasil Bukan Cukai dan lebih kurang RM198.84 juta atau 12.53 peratus di bawah Terimaan Bukan Hasil.

Hasil Cukai

Tuan Speaker,

41. Di bawah kategori Hasil Cukai, bagi tahun 2006 Cukai Jualan adalah menjadi komponen utama. Pada tahun lalu, sejumlah RM442.97 juta direkodkan daripada Cukai Jualan. Anggaran disemak bagi tahun ini ialah RM461.50 juta berbanding dengan anggaran asal sebanyak RM416.00 juta. Bagi tahun 2006, amaun sama iaitu RM461.50 juta dijangka dapat diperolehi atau 29 peratus daripada jumlah hasil keseluruhan negeri.

42. Cukai Jualan Minyak Sawit Mentah masih menjadi penyumbang terbesar dalam komponen Cukai Jualan. Dengan harga komoditi berkenaan yang lebih tinggi daripada yang dijangkakan, amaun hasil disemak kepada RM400.00 juta bagi tahun 2005, menunjukkan peningkatan sebanyak 11 peratus daripada anggaran asal sebanyak RM360.00 juta. Amaun RM400.00 juta yang dijangkakan pada tahun hadapan adalah berdasarkan andaian bahawa harga minyak sawit mentah berada di antara RM1,300.00 hingga RM1,400.00 se tan metrik. Item ini sahaja dapat menyumbang sebanyak 87 peratus daripada komponen Cukai Jualan bagi tahun 2006, manakala dua item lagi di bawah komponen yang sama iaitu Cukai Jualan daripada Tiket Loteri dan Mesin Slot, masing-masing dianggarkan sebanyak RM55.00 juta dan RM6.50 juta.

43. Pungutan Sewa Tanah mengikut anggaran disemak bagi tahun 2005 didapati berkurangan kepada RM36.00 juta dari anggaran asal sebanyak RM41.00 juta. Saya yakin bahawa apabila Jabatan Tanah dan Ukur melaksanakan eksekusi penguatkuasaan sepenuhnya pada tahun hadapan, jangkakan pungutan Sewa Tanah dapat dimaksimumkan sehingga RM41.00 juta. Manakala, cukai Pelabuhan dan Dermaga dianggarkan dapat menyumbang sebanyak RM1.76 juta pada tahun 2006 berbanding dengan anggaran disemak sebanyak RM1.19 juta tahun 2005.

Hasil Bukan Cukai

Tuan Speaker,

44. Di bawah kategori Hasil Bukan Cukai, Royalti adalah penyumbang utama dengan anggaran sebanyak RM526.11 juta dan juga merupakan penyumbang tertinggi secara keseluruhannya iaitu, lebih kurang 33 peratus daripada hasil negeri tahun 2006. Jabatan Perhutanan menganggarkan RM287.92 juta dapat dipungut daripada Royalti dan Bayaran Keluaran Hutan pada tahun 2006, manakala anggaran disemak berjumlah RM329.90 juta bagi tahun ini. Anggaran pada tahun 2006 adalah rendah memandangkan pengeluaran balak dijangka hanya berjumlah 4.2 juta meter padu, dengan 0.80 juta meter padu untuk eksport, berbanding dengan pengeluaran 4.9 juta meter padu, dengan 1.00 juta meter padu untuk eksport bagi tahun 2005. Begitu juga dengan Royalti Eksport Kayu Diproses dijangka berkurangan dari anggaran disemak RM14.20 juta kepada RM11.65 juta yang dianggarkan pada tahun hadapan.

45. Anggaran oleh PETRONAS untuk Royalti Petroleum adalah berjumlah RM226.54 juta bagi tahun 2006, manakala anggaran disemak tahun 2005 pula sebanyak RM276.65 juta, peningkatan lebih kurang 42 peratus berbanding dengan anggaran asal RM194.87 juta. Ini adalah dijangkakan berikutan kenaikan harga minyak sehingga melebihi AS\$70.00 se tong pada bulan Ogos tahun ini. Seperti biasa, anggaran pihak PETRONAS adalah konservatif tetapi ini tidak dapat dielakkan memandangkan tren harga minyak yang tidak menentu.

46. Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan salah satu lagi penyumbang utama dengan anggaran sebanyak RM115.61 juta, atau 7 peratus daripada jumlah hasil negeri, pada tahun 2006 berbanding dengan anggaran disemak RM108.42 juta bagi tahun ini. Sumbangan tertinggi dalam komponen ini dijangka diperolehi daripada Jualan Air dengan amaun RM96.48 juta. Sumber dalam komponen ini yang dijangka akan menyumbang lebih daripada RM1.00 juta termasuk Jualan Sarang Burung dengan sumbangan RM13.50 juta dan RM1.50 juta daripada Jualan Kelapa Kering dan Minyak Kelapa dan baki sebanyak RM4.13 juta daripada Penjualan Lain.

Tuan Speaker,

47. Penyumbang yang tidak kurang pentingnya ialah Premium Bagi tahun 2006, pungutan daripada Premium dianggarkan RM113.60 juta, atau lebih kurang 7 peratus daripada jumlah hasil negeri. Ia terdiri daripada Premium Kayu Balak yang berjumlah RM33.60 juta dan Premium Tanah sebanyak RM80.00 juta.

48. Faedah dan Perolehan dari Pelaburan dijangka dapat menyumbang RM43.59 juta pada tahun hadapan. Dalam komponen ini, Dividen Perbadanan-Perbadanan Awam berada di atas dengan anggaran RM25.00 juta dan Faedah atas Baki Wang Tunai dan Simpanan Jangka Pendek dengan RM10.00 juta. Lain-lain termasuklah Faedah dari Pinjaman-Pinjaman kepada Badan-Badan Berkanun, RM4.00 juta, Faedah dari Pinjaman-Pinjaman kepada Perbadanan-Perbadanan Awam, RM2.00 juta, dan Faedah daripada Pinjaman yang lain, RM2.00 juta.

49. Menyentuh hasil sewaan, sebanyak RM22.08 juta dianggarkan bagi tahun hadapan, lebih kurang sama dengan anggaran disemak sebanyak RM21.84 juta pada tahun ini. Penyumbang tertinggi ialah daripada Sewa Bangunan dengan anggaran RM17.27 juta.

Daripada amaun ini, RM15.40 juta adalah daripada Sewa Bangunan Wisma Sime Darby kepunyaan Kerajaan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, jumlah ini adalah bagi tujuan perakaunan sahaja kerana tidak ada bayaran sebenarnya diterima sehingga akhir tahun 2007. Kerajaan Negeri Sabah telah membuat satu perjanjian dengan Wisma Sime Darby Sdn. Bhd. (penyewa) untuk membaiki dan mengubahsuai bangunan dengan kos RM25.70 juta yang akan ditolak melalui bayaran sewaan. Manakala sebanyak RM1.52 juta dianggarkan melalui Sewa Bangunan Wisma Tun Fuad pada tahun 2006.

Tuan Speaker,

50. Bayaran Perkhidmatan dan Ikhtisas dengan amaun RM14.82 juta bagi tahun 2006, kebanyakannya adalah terdiri daripada bayaran-bayaran perkhidmatan oleh Jabatan Perhutanan RM4.00 juta; Jabatan Keretapi RM0.825 juta; Jabatan Haiwan RM0.55 juta; Jabatan Cetak RM1.40 juta; Jabatan Air RM1.52 juta; Jabatan Kerja Raya RM5.00 juta dan Jabatan Bendahari Negeri RM1.42 juta.

51. Komponen Pelbagai pula dijangka dapat menyumbang RM43.04 juta atau 2.7 peratus daripada jumlah hasil negeri. Item paling besar dalam komponen ini ialah Perolehan daripada Pindahan Pinjaman-Pinjaman kepada Kumpulan Wang Badan-Badan Berkanun dan Lain-lain yang dijangka menyumbang RM20.00 juta pada tahun 2006. Item ini bertujuan untuk mengakaun pembayaran-pembayaran balik pinjaman oleh Badan-Badan Berkanun dan Agensi-Agensi Kerajaan. Manakala baki sebanyak RM23.04 juta dalam kategori ini terdiri daripada Hasil Pelbagai Jabatan-Jabatan.

Terimaan Bukan hasil

Tuan Speaker,

52. Di bawah kategori Terimaan Bukan Hasil pula sebahagian besarnya adalah daripada Terimaan dan Sumbangan Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan di bawah Senarai Bersama sebanyak RM49.30 juta; Pemberian Mengikut Kiraan Kepala RM41.77 juta; Pemberian Khas RM26.70 juta; Sumbangan kepada Kos Perlaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan RM25.31 juta; Pemberian Pertambahan Hasil (Bahagian Pertama) RM4.00 juta; dan Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Lembaga Muzium RM1.4 juta.

Tuan Speaker,

53. Mengenai item ‘Pemberian untuk Menggantikan Duti Import dan Eksais ke atas Petroleum’, setakat ini Kerajaan Persekutuan belum lagi membuat keputusan terhadap cadangan yang telah dikemukakan oleh kerajaan negeri. Penyelesaian mungkin memerlukan sedikit masa lagi disebabkan oleh kompleksiti yang menyelubungi kes ini, namun Kerajaan Negeri yakin akan menerima bayaran interim seperti di tahun-tahun lalu. Berasaskan Anggaran Persekutuan Tahun 2006 yang menyediakan RM150.00 juta bagi Negeri Sabah dan Sarawak, Kerajaan Negeri menganggarkan RM50 juta dapat diterima pada tahun 2006.

PERBELANJAAN PERBEKALAN DAN PEMBANGUNAN

Tuan Speaker,

54. Sejalan dengan rancangan memastikan kesinambungan kemajuan, saya mencadangkan sebanyak RM1,839.76 juta diperuntukkan bagi Bajet 2006, iaitu, meningkat sebanyak RM64.84 juta atau 3.65 peratus berbanding dengan anggaran yang disemak bagi tahun 2005 sebanyak RM1,774.92 juta. Dengan mengambilkira anggaran hasil bagi tahun 2006 sebanyak RM1,586.87 juta, Anggaran Negeri bagi tahun hadapan akan mengalami defisit sebanyak RM252.89 juta.

ANGGARAN PERBELANJAAN

Emolumen

55. Cadangan anggaran bagi Emolumen sebanyak RM499.61 juta atau 27.16 peratus daripada perbelanjaan keseluruhan menampakkan penurunan perbelanjaan sebanyak RM4.52 juta atau 0.89 peratus berbanding anggaran yang disemak dalam tahun 2005 sebanyak RM504.13 juta. Penurunan ini adalah berikutan daripada pengawalan ke atas pengisian jawatan-jawatan kosong yang berlebihan sahaja. Kenaikan gaji tahunan dan penyelarasan gaji berikutan penggredan semula gred-gred jawatan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM) telahpun diambilkira tetapi tidak termasuk bayaran lain-lain imbuhan dan gaji-gaji buruh. Sekiranya gaji-gaji buruh yang diletakkan di bawah Perbelanjaan Berulang diambilkira maka jumlah keseluruhan Emolumen akan menjadi RM 520.26 juta.

Perbelanjaan Berulang

Tuan Speaker,

56. Peruntukan sebanyak RM605.98 juta untuk Perbelanjaan Berulang merupakan peningkatan sebanyak RM5.73 juta atau 0.95 peratus berbanding dengan anggaran yang disemak sebanyak RM600.25 juta dalam tahun 2005. Antara komponen-komponen perbelanjaan yang telah menyumbang kepada peningkatan ini adalah untuk tujuan pengurusan kapasiti bagi operasi termasuk pengurusan penguatkuasaan di Jabatan Tanah Dan Ukur sebanyak RM55.13 juta, Jabatan Perhutanan sebanyak RM67.88 juta dan Jabatan Air sebanyak RM105.41 juta berkaitan dengan aktiviti bekalan dan pungutan hasil; pelaksanaan penyelidikan dan pembangunan dalam sektor perhutanan dan pembangunan biodiversiti sebanyak RM 2.92 juta; dan bantuan sebanyak RM39.69 juta kepada Dewan Bandaraya, Majlis-Majlis Daerah, dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan untuk pemeliharaan persekitaran termasuk kawasan-kawasan taman, rancangan saluran najis, pengurusan pembangunan dan kutipan sampah, latihan merinyu-merinyu kesihatan, dan bayaran bil lampu jalanraya, untuk kesejahteraan rakyat.

Tuan Speaker,

57. Peruntukan sebanyak RM25.08 juta seterusnya, diperlukan untuk pengangkutan dan perjalanan bagi melicinkan urusan perkhidmatan untuk keberkesanan pengurusan sektor awam, ekoran kenaikan kadar-kadar dalam pelbagai subsisten untuk pelbagai gred jawatan, serta kenaikan harga diesel. Perbelanjaan juga diperlukan bagi penyenggaraan kenderaan sebanyak RM19.12 juta; untuk pembaharuan dan penyenggaraan bangunan dan pejabat

kerajaan, serta kelengkapan pejabat sebanyak RM30.78 juta; penyenggaraan dan menaiktaraf jalanraya dan jambatan-jambatan sebanyak RM24.00 juta; penyenggaraan dan pengendalian sistem perparitan utama serta kerja-kerja parit dan taliair berjumlah RM25.50 juta; dan sebanyak RM11.15 juta bagi memulihkan tanah luncur dan payahan; penyenggaraan tembok laut; dan mencegah, memperbaiki dan memulihkan kerosakan akibat ribut dan banjir. Selain itu, sejumlah RM20.65 juta disediakan untuk gaji-gaji bagi tenaga buruh-buruh di bawah Jabatan Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak, dan Muzium bagi melicinkan urusan kerja-kerja di bidang logistik dan lapangan.

Tuan Speaker,

58. Untuk pembangunan sumber manusia dan program kemajuan ICT yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian dan jabatan berkenaan, sejumlah RM21.4 juta adalah disediakan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM11.90 juta, iaitu, melebihi 100 peratus berbanding peruntukan tahun ini sebanyak RM9.5 juta. Di antara program-program baru yang akan diperkenalkan ialah IT Master Plan Update, E-Commerce, Call Centre Project, Job Portal, dan beberapa projek lain yang saya percaya akan dihuraikan oleh Menteri berkenaan kelak. Adalah diharapkan program-program di bawah rancangan ICT ke arah pengurusan kerajaan elektronik akan lebih menyerlah bersama-sama dengan pembangunan modal insan yang berintensifkan pengetahuan dalam ekonomi moden sejagat. Manakala perbelanjaan lain di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri, INSAN dan Jabatan-jabatan individu yang meliputi pemberian biasiswa untuk pengajian tinggi; latihan, seminar dan kursus dalam perkhidmatan awam; dan latihan vokasional perhutanan, diperuntukkan sebanyak RM27.4 juta.

Tuan Speaker,

59. Program kebajikan am akan terus diberi perhatian. Justeru, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM24.0 juta di bawah bantuan am, orang tua dan anak-anak yatim dan miskin. Dengan amaun sedemikian kenaikan kadar-kadar bantuan am termasuk tanggungan penerima telah diambilkira. Kualiti makanan untuk pelajar-pelajar di asrama, pelatih-pelatih di pusat-pusat latihan, yang dikendalikan oleh Kerajaan telah juga ditingkatkan dengan kadar harga baru. Bagi menjayakan program-program untuk pembangunan belia dan kemajuan sukan sejumlah RM7.9 juta adalah diperuntukkan termasuk RM2.50 juta bagi penyertaan kontingen Sabah ke SUKMA tahun hadapan.

Perbelanjaan Khas

Tuan Speaker,

60. Sejumlah RM734.17 juta adalah diperuntukkan bagi Perbelanjaan Khas, iaitu, meningkat sebanyak RM63.63 juta atau 9.49 peratus berbanding dengan anggaran yang disemak sebanyak RM670.54 juta bagi tahun 2005. Antara komponen perbelanjaan dalam Perbelanjaan Khas ini termasuk Pencaruman kepada Kumpulan Wang Berkanun, iaitu, caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM300.00 juta, Kumpulan Wang Pinjaman untuk Badan-Badan Berkanun dan Lain-Lain sebanyak RM7.00 juta, dan Kumpulan Wang Bekalan Air sebanyak RM5.00 juta.

Tuan Speaker,

61. Peruntukan sebanyak RM19.31 juta melibatkan penyewaan dan pembelian kenderaan serta kelengkapan bagi tujuan menggantikan kenderaan, dan kelengkapan pejabat yang telah usang bagi tujuan mengelakkan kos penyenggaraan yang tinggi, memastikan kelancaran dan keselesaan persekitaran tempat kerja untuk meningkatkan kecekapan bagi menghasilkan produktiviti. Seajar dengan memupuk masyarakat penyayang jumlah ini termasuk pembelian peralatan otopedik untuk penghuni rumah-rumah kebajikan bagi memastikan kebajikan mereka terpelihara.

Tuan Speaker,

62. Bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan pejabat dan pengetahuan dalam bidang ICT, peruntukan sejumlah RM5.72 juta juga disediakan bagi program sistem pengurusan elektronik (EDMS), pembelian '*softwares and technical manuals*', dan pembelian dan pemasangan komputer.

63. Penyediaan infrastruktur bekalan air yang bersih dan mencukupi bagi kemudahan orang awam dan juga para pelabur untuk memastikan penjanaan hasil yang tinggi peruntukan adalah disediakan bagi pengurusan bekalan air termasuk pengendalian air tidak berhasil sebanyak RM6.00 juta, bayaran ke atas pembelian air dirawat (*Bulk Supply*) di bawah program penswastaaan bekalan air sebanyak RM55.00 juta, bayaran tunggakan kepada konsesi air dan pengendalian kemudahan pemendapan air Kinabatangan sebanyak RM15.20 juta.

Tuan Speaker,

64. Kerajaan Negeri mengambil berat ke atas kejadian gejala sosial yang kini menular yang menjadi topik dalam akhbar-akhbar seperti penyalahgunaan dadah, pembuangan bayi dan berbagai penyakit sosial. Sehubungan dengan itu, program-program pembangunan kerohanian dan bimbingan agama dipercayai boleh membendung gejala masyarakat ini. Dengan itu, sejumlah RM20.00 juta diperuntukkan di bawah Bantuan kepada Badan-badan Keagamaan Bukan Islam. Selain itu, bantuan sebanyak RM8.00 juta akan diperuntukkan juga bagi Sekolah-sekolah yang bertujuan memberi keselesaan untuk pelajar-pelajar menimba ilmu, serta menikmati kemudahan fizikal dan persekitaran sekolah yang lebih baik.

Tuan Speaker,

65. Di bawah Perbelanjaan Khas ini juga termasuk komponen-komponen lain di mana sejumlah RM6.00 juta disediakan yang dibahagikan kepada kelengkapan pejabat bagi bangunan Jabatan Tanah dan Ukur yang sedang dalam pembinaan, dan perbelanjaan persediaan pembinaan kompleks Jabatan Ketua Menteri yang telah lama dalam perancangan. Dana khas untuk POIC disediakan akan diperuntukkan sebanyak RM15.00 juta. Manakala pelaburan ekuiti dalam POIC Sdn Bhd, KKIP Sdn Bhd; dan Sabah International Dairies (SaDAR) yang kesemuanya adalah berjumlah RM30.00 juta tetapi tidak melibatkan aliran tunai.

ANGGARAN PEMBANGUNAN

Tuan Speaker,

66. Perbelanjaan wang negeri bagi Pembangunan tahun 2006 melibatkan sejumlah RM550.19 juta iaitu, penambahan sebanyak RM40.75 juta atau 7.99 peratus berbanding dengan anggaran disemak bagi tahun 2005 sebanyak RM509.44 juta. Jumlah tersebut termasuk rezab kontingensi sebanyak RM5 juta. Sejumlah RM357.37 juta atau 64.9 peratus adalah untuk pembiayaan projek sambungan dan RM192.82 juta atau 35.1 peratus lagi adalah untuk projek baru.

Sektor Ekonomi

Tuan Speaker,

67. Bagi pengagihan mengikut sektor, sejumlah RM367.51 juta atau 66.80 peratus adalah bagi pelaksanaan program dan projek pembangunan di bawah Sektor Ekonomi. Sektor ini terbahagi kepada sektor kecil seperti pembangunan dalam Kemudahan-Kemudahan Awam; Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar; Infrastruktur dan Komunikasi; pembangunan Industri dan Kewangan; dan pembangunan dalam sektor kecil lain.

68. Pembangunan dalam Kemudahan-Kemudahan Awam akan diperuntukkan sejumlah RM148.70 juta di mana RM126.40 juta adalah bagi pelaksanaan projek-projek bekalan air dalam negeri, dan RM22.30 juta bagi pembinaan pembentungan. Sejumlah RM65.54 juta untuk tujuan pembangunan Infrastruktur dan Komunikasi, adalah diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur bagi pelaksanaan projek-projek jalanraya dan jambatan; perkhidmatan keretapi; dan pelabuhan dan dermaga melalui jabatan-jabatan di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Infrastruktur, untuk meningkatkan penyediaan kemudahan awam dan juga menyokong pembangunan dalam sektor-sektor lain.

Tuan Speaker,

69. Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar akan diperuntukkan sejumlah RM107.94 juta. Daripada jumlah ini, RM27.41 juta adalah bagi maksud pembangunan projek-projek pengairan dan saluran; RM21.33 juta bagi pembangunan projek-projek pertanian; RM14.15 juta bagi perhutanan; manakala selebihnya sebanyak RM45.05 juta adalah untuk perkhidmatan haiwan dan ternak, industri getah, perikanan, pembangunan melalui agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Perikanan, serta SAFODA.

70. Peruntukan sebanyak RM30.94 juta yang disediakan bagi pembangunan dalam sektor kecil Industri dan Kewangan adalah bagi tujuan memenuhi keperluan dalam projek-projek ekonomi perindustrian seperti projek-projek POIC di Lahad Datu; Kota Kinabalu Industrial Park; pembinaan rumah-rumah kedai di kawasan luar bandar; aktiviti-aktiviti keusahawanan berskala kecil bagi penduduk luar bandar melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Lebih sebanyak RM14.38 juta di bawah Sektor Ekonomi adalah diagih bagi pembangunan pelancongan, kebudayaan dan alam sekitar sebanyak RM9.80 juta, kajian-kajian kemungkinan sebanyak RM2.78 juta; dan pembangunan sumber manusia sebanyak RM1.8 juta. Di antara kajian kemungkinan ini ialah mengenai dengan '*Sabah Land Utilisation Policy Study*' yang bertujuan untuk menghasilkan garis panduan sebagai dasar terhadap penggunaan sumber tanah secara lebih ekonomi dan mapan.

Sektor Sosial

Tuan Speaker,

71. Sejumlah RM137.78 juta lagi atau 25.04 peratus daripada Anggaran Pembangunan disediakan di bawah Sektor Sosial. Daripada jumlah tersebut RM68.63 juta adalah untuk pembangunan sosial dan luar bandar di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Ketua Menteri ke arah membasmi kemiskinan dan kemiskinan tegar, dan meningkatkan taraf kualiti hidup penduduk luar bandar; RM28.49 juta disediakan untuk membiayai projek-projek rumah kos rendah dan pekan baru; pembangunan di bawah Dewan Bandaraya dan Pihak Berkuasa Tempatan sebanyak RM12.18 juta; pembangunan kompleks-kompleks sukan dan pusat-pusat giat belia, pembinaan perpustakaan dan kebudayaan sebanyak RM18.39 juta; dan sejumlah RM10.09 juta adalah diperuntukkan bagi pembangunan kemudahan-kemudahan keagamaan, dan bangunan serta program-program dan aktiviti-aktiviti bagi wanita ke arah kemajuan dan kebajikan wanita, dan generasi muda.

72. Bagi Sektor Pentadbiran Am sebanyak RM39.90 juta diperuntukkan bagi membiayai pembinaan mahkamah-mahkamah syariah; rumah kerajaan; dan pengendalian aktiviti-aktiviti di bawah Jabatan Tanah dan Ukur; dan Jabatan Cetak.

Tuan Speaker,

73. Dalam pengagihan peruntukan mengikut kementerian-kementerian; Kementerian Pembangunan Infrastruktur adalah penerima yang terbesar iaitu sebanyak RM217.24 juta atau 39.48 peratus. Ini diikuti oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Jabatan Ketua Menteri, masing-masing sebanyak RM93.29 juta atau 16.96 peratus dan RM91.07 juta atau 16.55 peratus, manakala Kementerian Pembangunan Luar Bandar di peruntukkan sejumlah RM44.83 juta atau 8.15 peratus. Program Peruntukan Khas untuk semua kawasan Dewan Undangan Negeri di bawah Kementerian ini diberi peruntukan sebanyak RM26 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.8 juta adalah disediakan bagi golongan orang-orang yang susah di seluruh negeri berdasarkan RM30,000.00 bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri.

SUMBANGAN PERSEKUTUAN

Tuan Speaker,

74. Selain daripada terimaan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Negeri sebanyak RM300.00 juta dan hasil lain pembangunan sebanyak RM53.52 juta, Kerajaan Persekutuan menyediakan bantuan dalam bentuk peruntukan bayaran balik dan pinjaman persekutuan berjumlah sebanyak RM247.00 untuk beberapa program, seperti berikut:

<u>Bayaran Balik Persekutuan</u>	<u>RM Juta</u>
Pertanian	25.20
Haiwan	71.30
Pengairan dan Saliran	20.94

	117.44

Pinjaman Persekutuan

Pembentungan, DBKK	10.00
Bekalan Air	119.56

			129.56

Dengan jumlah yang dinyatakan tadi, Bajet Pembangunan Negeri bagi tahun 2006 pada keseluruhannya adalah sebanyak RM797.19 juta.

Tuan Speaker,

75. Seterusnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pucuk pimpinan Kerajaan Pusat, terutama sekali YAB Dato' Seri Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, kerana begitu perihatin tentang pembangunan negeri ini. Peruntukan khas bagi Sabah sebanyak RM2.3 billion pada tahun 2006, untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan asas awam dan kemudahan sosial sudah pasti membawa impak besar kepada peningkatan kualiti kehidupan dan ekonomi Sabah. Peruntukan yang diberikan ini termasuklah peruntukan bagi menaiktarafkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, pembesaran Hospital Queen Elizabeth dan Universiti Malaysia Sabah, serta pembinaan Jalanraya Sapulut ke Kalabakan dan Sipitang ke Tenom. Ini merupakan nikmat dari hubungan erat yang terjalin antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Saya juga merakamkan terima kasih kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Persekutuan yang beroperasi di Sabah, khususnya kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) yang telah memberi kerjasama dan meningkatkan penyelarasan dengan jentera pentadbiran negeri dalam perancangan pelaksanaan program-program pembangunan. Dewasa ini, JPPS telah juga memberi sumbangan kepada kerja-kerja penyenggaraan ke atas infrastruktur awam seperti bangunan pejabat-pejabat daerah, masjid dan balai raya. Sumbangan ini merangkumi juga pembinaan infrastruktur asas luar bandar seperti jalan kampung, titian/jambatan, jeti, bekalan air dan juga bekalan elektrik luar bandar.

Tuan Speaker,

76. Di samping itu, peruntukan persekutuan sebanyak RM20.0 juta untuk menangani kemiskinan pada tahun hadapan bagi negeri ini akan pasti memberi kesan ke atas usaha mengatasi isu-isu kemiskinan di Sabah demi untuk mencapai matlamat kemiskinan sifar. Kemiskinan tegar juga akan diberi tumpuan serius di mana Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Pusat akan mensasarkan kadar kemiskinan di Sabah dapat diturunkan ke tahap 6.0 peratus daripada 16.0 peratus menjelang tahun 2010. Semua rancangan ini hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya menerusi proses pelaksanaan yang lancar dan berkualiti demi untuk faedah dan kepentingan rakyat jelata.

PENUTUP

Tuan Speaker,

77. Dengan berakhirnya RMK8 dalam tahun ini sudah tentu banyak perkara-perkara penting berkaitan dengan pengurusan pelaksanaan pembangunan dan sosial yang dapat kita

sama-sama pelajari. Kita tidak boleh leka dengan masalah-masalah yang memerlukan perhatian dan penambahbaikan segera dalam konteks persekitaran pelaksanaan Dasar Halatuju Kerajaan. Oleh itu, saya menyeru kepada semua lapisan pemimpin baik bermula daripada peringkat Jemaah Kabinet Negeri hinggalah ke rakyat jelata di akar umbi, supaya bekerjasama dan meletakkan kepentingan negeri lebih daripada kepentingan individu. Pembangunan bererti perubahan. Justeru, kita tidak boleh berada di tampuk yang sama baik dari segi cara bekerja, cara berfikir dan cara kita bertindak. Kita perlu menerima pendekatan baru berasaskan sains dan teknologi dalam urusan-urusan yang sentiasa berhadapan dengan ledakan persaingan global di mana negeri Sabah turut terdedah.

Tuan Speaker,

78. Untuk memastikan kemajuan yang berterusan, kita hendaklah bina daya saing dalam semua aspek dan bersungguh-sungguh meningkatkan produktiviti dan keberkesanan sistem penyampaian yang mana amat kritikal sekali.

Tuan Speaker,

79. Seperti yang kita semua sedar, skop sumber hasil Negeri Sabah adalah terhad berbanding dengan perbelanjaan yang kian meningkat setiap tahun. Selain dari mengambil langkah berjimat dalam perbelanjaan, Kerajaan telah memberi perhatian yang lebih dalam pungutan hasil negeri dan mengurangkan tunggakan hasil. 'Pasukan Petugas Sistem Pungutan Hasil' yang dipengerusikan oleh Kementerian Kewangan telahpun dibentuk untuk maksud ini. Dengan garis panduan untuk pengurusan sistem pungutan hasil ini adalah diharapkan sistem pungutan hasil dapat diperbaiki lagi. Dalam pada itu, perhatian juga diberikan terhadap keselesaan orang awam semasa membuat pembayaran dan seterusnya mempelbagaikan saluran dan kaedah bayaran.

Tuan Speaker,

80. Agensi-agensi Awam dan Syarikat-syarikat Kerajaan Negeri yang terlibat dalam bidang-bidang perniagaan hendaklah terus mengamalkan budaya korporat yang berprestasi cemerlang dan mendokong 'corporate governance and good practices'. Saya merakamkan penghargaan dan berbangga dengan beberapa agensi dan syarikat kerajaan seperti Yayasan Sabah, Sawit Kinabalu Berhad, SEDCO, Sabah Energy Corporation, Sabah Development Bank, Sabah Credit Corporation, Warisan Harta Sabah Sdn Bhd, Progressive Insurance Sdn Bhd, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah, Sabah Tourism Board dan beberapa yang lain, bukan sahaja mempunyai prestasi pengurusan kewangan yang kukuh tetapi mampu menyumbang kepada hasil negeri dalam bentuk mempergiatkan ekonomi dan dalam bayaran balik pinjaman mahupun dividen. Pada tahun 2004, bayaran dividen adalah sebanyak RM36.46 juta dan RM64.58 juta untuk bayaran balik pinjaman. Oleh itu, saya berharap agensi dan syarikat kerajaan negeri ini akan terus menyerlah pada tahun hadapan dan akan menjadi model kepada yang lain.

81. Harapan Kerajaan dalam setiap kali membentangkan bajet tahunan ialah ke arah meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat, agar semua lapisan masyarakat sama ada di bandar atau di desa dapat menikmati kepesatan pembangunan dan kemajuan ekonomi secara adil dan saksama, mengurangkan lubuk dan kadar kemiskinan. Dalam pada itu, sifat kemajuan yang hendak dicapai tidak saja difokuskan kepada sifat kebendaan atau '*material*' semata-mata tetapi mencakupi pembentukan kerohanian. Selaras dengan dasar Islam Hadhari,

Kerajaan hari ini sentiasa berusaha membentuk masyarakat yang mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, yang progresif dan berna'wah, bersatupadu tanpa mengambilkira keturunan, bangsa dan agama.

Tuan Speaker,

82. Seajar dengan keputusan Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju dengan bayaran Imbuan bagi tahun 2005 dengan kadar RM1,500.00 kepada semua anggota perkhidmatan awam negeri yang layak sebagai menghargai sumbangan mereka kepada pembangunan negeri. Adalah menjadi harapan saya agar pembayaran Imbuan ini tidak dianggap menjadi tuntutan mutlak tetapi ianya lebih merupakan keperihatinan dan sebagai tanda penghargaan Kerajaan. Anggota perkhidmatan awam hendaklah terus meningkatkan tahap profesionalisme dan integriti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Tuan Speaker,

83. Semua pihak sedar bahawa keberkesanan pelaksanaan program-program kerajaan seperti yang dibentangkan dalam setiap Bajet tidak bergantung semata-mata kepada peningkatan perbelanjaan awam, tetapi lebih daripada itu, bergantung kepada disiplin dalam penggunaan kewangan awam dan sistem penyampaian yang berkesan. Saya yakin dengan adanya kerjasama yang padu dan erat dan kefahaman jitu dari semua pihak, tanggungjawab yang kita pikul bersama ini dapat memudahkan kita mencapai matlamat menjadikan Negeri Sabah sebuah Negeri Maju Jaya.

Tuan Speaker,

84. Saya mohon mencadangkan.

Pengagihan Anggaran Perbekalan Mengikut Kementerian

	Kementerian	RM Juta	Peratus
1	Kementerian Kewangan	544.27	29.58
2	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	401.50	21.82
3	Jabatan Ketua Menteri	307.24	16.70
4	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	197.96	10.76
5	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	84.22	4.58
6	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	75.47	4.10
7	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	56.62	3.08
8	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	49.29	2.68
9	Perbelanjaan Tanggungan	43.86	2.38
10	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	32.40	1.76
11	Kementerian Belia dan Sukan	21.20	1.15
12	Perbelanjaan tidak termasuk dlm Kementerian	18.97	1.03
13	Kementerian Pembangunan Perindustrian	6.76	0.37
Jumlah		1,839.76	100.00

Pengagihan Anggaran Pembangunan Mengikut Kementerian

	Kementerian	RM Juta	Peratus
1	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	217.24	39.48
2	Kementerian Pertanian dan Industri Makanan	93.29	16.96
3	Jabatan Ketua Menteri	91.07	16.55
4	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	44.83	8.15
5	Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan	33.42	6.07
6	Kementerian Kewangan	20.00	3.64
7	Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna	12.89	2.34
8	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar	11.41	2.07
9	Kementerian Pembangunan Perindustrian	9.74	1.77
10	Kementerian Belia dan Sukan	9.50	1.73
11	Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat	1.80	0.33
12	Simpanan Luar Jangka	5.00	0.91
	JUMLAH:	550.19	100.00